

10. Kesanggupan parti-parti politik, yang dahulunya menentang kita, bergabung di bawah naungan Barisan Nasional, melambangkan sokongan mereka terhadap dasar-dasar Kerajaan. Dengan berkurangnya persaingan dalam kegiatan politik, segala usaha dan tenaga dapatlah ditumpukan sepenuhnya, ke arah pencapaian matalamat utama ini, iaitu Dasar Ekonomi Baru.

11. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Sarawak telah diberi peruntukan sebanyak hampir \$1.7 ribu juta, merupakan 8.93 peratus daripada keseluruhan peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan Sarawak ini, juga merupakan 96 peratus lebih tinggi daripada peruntukan yang diberikan kepadanya di bawah Rancangan Malaysia Kedua.